

# Inisiatif baharu SPSB tingkat pembangunan pelancongan

DE 24.10.2018 2

Locksley Ng

KOTA KINABALU: Rancangan perluasan operasi kargo Suria Capital Holdings Bhd di Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar dengan perpindahan terminal kargo amnya di pelabuhan Kota Kinabalu akan memberi laluan kepada lebih banyak pembangunan dalam industri pelancongan.

Pengarah Urusan Suria Capital Holdings Bhd dan Sabah Ports Sdn Bhd (SPSB), Ng Kiat Min berkata lokasi terminal kargo am itu ketika ini terletak antara pelbagai mercu tanda di bandaraya, termasuk pusat membeli-belah, Jesselton Point dan Terminal Feri, Pusat Konvensyen Antara bangsa Sabah dan Yayasan Sabah.

"Kami sedang mewujudkan fokus baharu di bandaraya untuk meningkatkan inisiatif pelancongan negeri dengan kawasan yang sibuk dengan delegasi per sidangan antarabangsa di samping pelancong dan penduduk tempatan di kawasan komersial yang dipenuhi dengan kedia man mewah serta hotel," katanya.

Beliau mengulang bahawa selepas operasi pelabuhan kargo am dipindahkan ke Teluk Sepanggar, Kumpulan Suria akan menjalankan pembinaan sebuah terminal khas pelayaran antarabangsa di



NG (keenam dari kanan) menyampaikan replika cek kepada Dr Rossita untuk projek tersebut.

Pelabuhan Kota Kinabalu, yang akan menjadi pintu masuk kedua ke pusat bandaraya.

Terminal pelayaran di bandaraya juga akan melengkapi pembangunan lain Kumpulan Suria termasuk Jesselton Quay dan One Jesselton Waterfront.

"Mudah-mudahan kita akan dapat menerima lebih banyak pelancong dari pada pelayaran antarabangsa di pelabuhan-pelabuhan kita kerana keadaan tidak cukup maju di rantau ini ketika ini dan ia diharap akan membantu menambah baik pertumbuhan pekerjaan dan ekonomi pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas Majlis Penyerahan Cek Pemindahan Rumpai Laut di Universiti Malaysia Sabah (UMS), di sini, Selasa.

Terdahulu dalam program itu, Ng menyampaikan replika cek RM20,000 sebagai sumbangan kepada Projek Pemindahan Rumpai Laut untuk Institut Penyelidikan Marin Borneo (BMRI).

Beliau menjelaskan bahawa projek itu membabitkan pemindahan populasi rumpai laut yang ditemui di sempadan pembangunan ke lokasi baharu sebagai usaha untuk memulihara sumbangan alam sekitar tapak dan presint yang kaya bahan biologi itu dijangka mengalami

impak daripada pembangunan serta merosot, kecuali langkah lestari dan berbentuk perlindungan diambil.

Beliau menambah SPSB bekerjasama dengan BMRI dalam pelbagai projek sejak 2012 yang termasuk perlindungan ekologi terumbu karang, pemuliharan karang di Sepanggar, dan pelaksanaan kajian dibi ayai Sabah Ports terhadap status pence maran logam berat dalam sedimen pesisir Teluk Sepanggar dan Kota Kinabalu.

"Matlamat utama kami adalah melindungi warisan biologi Teluk Sepanggar di samping mematuhi sebarang prasyarat alam sekitar berkaitan rancangan masa depan Sabah Ports untuk membangunkan Sepanggar.

"Malah dengan perpindahan dan perluasan terminal kargo am, kami mesti memastikan yang kami berkembang secara etika dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar," katanya.

Hadir sama pada program itu adalah Pengurus Besar SPSB Siti Noraishah Azizan, Pengarah BMRI Profesor Dr Rossita Shapawi, Timbalan Pengarahnya Prof Madya Dr Sitti Raehanah Shaleh, dan Ketua Projek Pemindahan Rumpai Laut Dr Ejria Saleh.